

JAWATANKUASA KHAS DIBERI KEBEBASAN UNTU SELESAIKAN KES SAMAN UMNO DI LUAR MAHKAM

MT tak beri apa2 tawaran — Mahathir

KUALA LUMPUR 29 Sept. — **K**Majlis Tertinggi UMNO tidak menawarkan apa-apa kepada 12 orang yang menyaman parti itu dalam usahanya menyelesaikan kes tersebut di luar mahkamah.

Presiden parti, Datuk Sri Dr. Mahathir Mghamad berkata, jawatankuasa khas yang dibentuk Sabtu lalu oleh MT diberi kebebasan untuk mencari jalan terbaik ke arah menyelesaikan masalah tersebut. Kumpulan 12 itu, dari Kelantan, Pulau Pinang dan dari Pahang meminta mahkamah mengisytiharkan pemilihan UMNO 24 April lalu sebagai tidak sah dan mahukan satu pemilihan baru dibuat. Mereka mendakwa terdapat ahli-ahli yang tidak layak yang turut mengundi dalam pemilihan 24 April itu. Datuk Sri Dr. Mahathir, yang diminta mengulas bagaimana jawatankuasa tersebut akan mencari penyelesaian itu dan sama ada terdapat sebarang tawaran dibuat kepada mereka berkata: "Terpulanglah kepada jawatankuasa itu. Mereka bebas menjalankan tugas." Beliau yang dikerumuni para pemberita selepas merasmikan Muzium Orang Asli di

Oleh
Badrul Hisham Aziz

Kilometer 19, Gombak bagaimanapun enggan mengulas lanjut tentang jawatankuasa khas itu. "Saya tidak akan berkata apa-apa lagi, jika saya berkata juga, ia mungkin akan mempengaruhi jawatankuasa tersebut atau sesiapa sahaja," ujarnya. Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata bahawa beliau tidak tahu mengenai laporan kononnya ada di kalangan 12 orang itu yang menarik diri dari terlibat dengan saman tersebut kecuali seorang seperti yang dilaporkan oleh media. "Saya tak tahu, saya cuma membacanya melalui akhbar saudara - saudara," katanya. Mengenai kedudukan Datuk Sri Sanusi Junid, selaku Setiausaha Agung UMNO dalam jawatankuasa khas itu, yang dikatakan ada kepentingan, Presiden UMNO itu berkata: "Semua orang ada kepentingan. Datuk Abdullah (Badawi) pun ada kepentingan juga. Kita semuanya (UMNO) ada kepentingan," ujarnya. Selain daripada Datuk Abdullah dan Datuk Sri Sanusi, tiga orang lain yang menduduki jawatankuasa khas itu terdiri dari pada Senator Hussein Ahmad, Datuk Kadir Sheikh Fadzir dan Datuk Nafsiah Omar.